

Shahril kekal galas jawatan CEO MRT Corp

KUALA LUMPUR – Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), Datuk Seri Shahril Mokhtar (**gambar**) akan terus menerajui syarikat tersebut sehingga 31 Disember 2018 setelah kerajaan melanjutkan kontraknya selama dua tahun.

Pengerusi MRT Corp, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, kerajaan mengiktiraf usaha



Shahril dalam memimpin MRT Corp dengan baik.

“Kerajaan telah memutuskan bahawa kepimpinan berterusan Shahril dalam MRT Corp diperlukan bagi melihat kedua-dua fasa Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) mula beroperasi pada Disember ini dan Julai 2017,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ali berkata, pembinaan Laluan

MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP) akan rancak dalam tempoh beberapa tahun akan datang dan pengalaman beliau akan memastikan cabaran yang dihadapi pada peringkat awal dapat ditangani.

Majlis pecah tanah bagi Laluan SSP dijadualkan berlangsung pada Ogos 2016.

Shahril menerajui MRT Corp mulai 1 Januari 2015 dengan merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana Malaysia Bhd. sebelum itu.

– Bernama